

**PEMBANGUNAN VIDEO DOKUMENTARI PENDIDIKAN BAGI MATA
PELAJARAN TEKNOLOGI KONKRIT**

MOHD ZAIM BIN ZAKARIA

**Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik & Vokasional)**

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

MAC 2004

“Teristimewa untuk ibu tersayang (Maimunah Shafie) serta ahli keluarga yang dikasihi di atas sokongan dan galakan dalam kejayaan ini”



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat saya menyempurnakan projek ini pada masa yang telah ditetapkan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada tuan Haji Ali Bin Suradin, selaku penyelia projek kerana telah banyak memberikan panduan dan bimbingan dalam menyiapkan projek ini.

Ucapan terima kasih juga kepada En. Mohd. Sobri Bin Lebai Isa, pensyarah Teknologi Konkrit (Makmal C 2003), Makmal Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Awam, di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah yang telah banyak membantu di dalam menyempurnakan projek ini. Juga kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama dan bantuan dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk penghasilan projek ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek ini. Jasa kalian semua amat saya hargai.

Harapan saya, semoga projek yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Insya' Allah.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

ABSTRACT

The purpose of this research is to create a Documentary Video cd. This is as a cosware for the Concrete Technology subject with a topic of Concrete Material Test (Laboratory: C2003) in teaching and learning process at Polytechnic. The Documentary Education VCD are evaluate from visual, audio and content elements and further more evaluation were done from interesting and understanding increase for student in learning when they used that Documentary Education VCD. Around 32 respondents from sem 2 students in Civil Building Certificate course at polytechnic Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah. Questionnaire instrument were used to evaluate the Documentary Education VCD, which was produced. The data was analyzed using statistic method from *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) version 11.0 which include percentages, min score and standard devition. Research result are positif that is the min score for each item from section B exceeding 3.8. This shows the respondent agree with the Documentary Education VCD produced at Polytechnic. The researcher hopes that this research can be improvement for a better research for those who are interest to do the same research in the future.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	HALAMAN KANDUNGAN	vii
	HALAMAN SENARAI JADUAL	viii
	HALAMAN SENARAI RAJAH	ix
	HALAMAN SENARAI SINGKATAN	xi
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xii
1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Matlamat Kajian	6
	1.5 Ojektif Kajian	6
	1.6 Persoalan Kajian	6
	1.7 Kerangka Teori	7

1.8	Skop Kajian	8
1.9	Kepentingan Kajian	8
1.10	Definisi Istilah	9
	1.10.1 Video Pembelajaran	9
	1.10.2 Teknologi Pendidikan	10
	1.10.3 Alat Bahan Bantu Mengajar	10
	1.10.4 Multimedia	10
	1.10.5 Penilaian	11
	1.10.6 Pengajaran	11
	1.10.7 Pembelajaran	11
1.11	Rumusan	11

II

SOROTAN KAJIAN 12

2.1	Pengenalan	12
2.2	Pengajaran Dan Pembelajaran	13
2.3	Kepentingan Media Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	15
2.4	Penggunaan Teknologi Dalam Pendidikan	16
2.5	Peranan Media Dalam Pendidikan	19
2.6	Pengaplikasian Aspek Pedagogi Dalam Penggunaan Bahan Media	19
2.7	Prinsip Pembelajaran Berasaskan Video Pendidikan	22
2.8	Aspek Aplikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	24
	2.8.1 Kognitif	24
	2.8.2 Psikomotor	24
	2.8.3 Afektif	25
2.9	Video Sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar	26
2.10	Penggunaan Elemen Audio Dalam Video	28
2.11	Penggunaan Elemen Visual Dalam Video	29
2.12	Rumusan	30

III	METODOLOGI KAJIAN	31
3.1	Pendahuluan	31
3.2	Rekabentuk Kajian	31
3.3	Prosedur Kajian	32
3.4	Lokasi Kajian	34
3.5	Populasi Dan Sampel Kajian	35
3.6	Instrumentasi Kajian	35
	3.6.1 VCD Dokumentari Pendidikan	36
	3.6.2 Borang Soal Selidik	36
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	38
3.8	Pengumpulan Data	39
	3.8.1 Taklimat Ringkas	39
	3.8.2 Mengedarkan Borang Soal Selidik	40
	3.8.3 Pemungutan Borang Soal Selidik	40
3.9	Analisis Data	40
3.10	Andaian Dan Batasan Kajian	42
3.11	Rumusan	42
IV	REKABENTUK PRODUK	43
4.1	Pendahuluan	43
4.2	Penghasilan Produk	43
4.3	Matlamat Penghasilan Produk	44
4.4	Kronologi Pembinaan Produk	44
4.5	Langkah-Langkah Dalam Proses Penerbitan Produk	48
4.6	Isi Kandungan Produk	49
4.7	Elemen Dalam Penghasilan Video	49
4.8	Sasaran Penggunaan Produk	49
4.9	Jadual Kerja Penghasilan Produk	50
4.10	Permasalahan Dalam Pembikinan Produk	51
4.11	Rumusan	51



PTM UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

V	ANALISIS DATA	52
5.1	Pendahuluan	52
5.2	Kebolehpercayaan Dan Kesahan Instrument Kajian	53
5.2.1	Borang Soal Selidik.	53
5.2.2	Cakera Padat Video (VCD) Dokumentari Pendidikan	54
5.3	Dapatan Kajian	55
5.3.1	Dapatan Bahagian A	55
5.3.1.1	Jantina	56
5.3.1.2	Bangsa	56
5.3.1.3	Umur	57
5.3.1.4	Aliran Semasa Sekolah Menengah	57
5.3.1.5	Pemahkah Menonton Video Cakera Padat (VCD) Dokumentari Pendidikan ?	58
5.3.2	Dapatan Bahagian B	59
5.3.2.1	Persoalan Kajian Pertama	60
5.3.2.2	Persoalan Kajian Kedua	60
5.3.2.3	Persoalan Kajian Ketiga	61
5.3.2.4	Persoalan Kajian Keempat	62
5.3.2.5	Persoalan Kajian Kelima	63
5.4	Rumusan	64
VI	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	65
6.1	Pendahuluan	65
6.2	Perbincangan	65
6.2.1	Latar Belakang Responden	67
6.2.2	Kesesuaian Penggunaan Visual Dalam VCD Dokumentari Pendidikan Yang Dihasilkan	67
6.2.3	Kesesuaian Penggunaan Audio Dalam VCD Dokumentari Pendidikan Yang Dihasilkan	68



PTT
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

6.2.4	Kesesuaian Penggunaan Susunan Isi VCD Dokumentari Pendidikan Yang Dihasilkan	70
6.2.5	VCD Dokumentari Pendidikan Yang Dihasilkan Dapat Menarik Pelajar	71
6.2.6	VCD Dokumentari Pendidikan Yang Dihasilkan Dapat Meningkatkan Kefahaman Pelajar	72
6.3	Kesimpulan	73
6.4	Cadangan	75
6.4.1	Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) Berelektronik	76
6.4.2	Pelajar	76
6.4.3	Pensyarah	76
6.4.4	Institusi Pengajian	77
6.4.5	Pengguna	77
6.4.6	Kajian selanjutnya	78
6.5	Penutup	78

RUJUKAN

79

LAMPIRAN

83



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Nilai skor berdasarkan darjah persetujuan	37
3.2	Jadual Tafsiran Min	41
3.3	Item-Item Setiap Bahagian Dengan Ujian Statistik	41
5.1	Hasil Koefisien Kebolehpercayaan <i>Alpha Crombach</i> Borang Soal Selidik Bahagian B	54
5.2	Peratusan Mengikut Jantina Responden	56
5.3	Peratusan Mengikut Bangsa Responden	56
5.4	Peratusan Mengikut Umur Responden	57
5.5	Peratusan Mengikut Aliran Semasa Di Sekolah Menengah	58
5.6	Peratusan mengikut Pernahkah Menonton Video Cekera Padat (VCD) Dokumentari Pendidikan	58
5.7	Tanda Aras Penilaian	59
5.8	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Bahagian B1	60
5.9	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Bahagian B2	61
5.10	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Bahagian B3	62
5.11	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Bahagian B4	63
5.12	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Bahagian B5	64

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	8
3.1	Kerangka operasi untuk prosedur kajian	34
4.1	Kronologi Penghasilan Produk	47
4.2	Langkah-langkah dalam proses penerbitan produk	48
4.3	Carta Gant Jadual Kerja	50



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

ABBM	- Alat Bahan Bantu Mengajar
CD-ROM	- <i>Compact Disc Read Only Memory</i>
KUITTHO	- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
P&P	- Pengajaran Dan Pembelajaran
POLIMAS	- Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
SPSS	- <i>Statistical Package for Social Science</i>
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
VCD	- <i>Video Compact Disc (Video Cakera Padat)</i>



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	JADUAL SAIZ SAMPEL	84
B	BORANG SOAL SELIDIK	91
C	SKRIP VIDEO DOKUMENTARI	92
D	DAPATAN KAJIAN RINTIS	107
E	DAPATAN KAJIAN SEBENAR	114
F	BORANG PENGESAHAN PAKAR	119



PTT UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan masa kini mempunyai kaitan rapat dengan perubahan dalam bidang sains, teknologi, industri dan perdagangan, memandangkan situasi semasa penuh dengan penemuan dan ciptaan-ciptaan baru yang hampir semua dalam bidang kehidupan. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) perlu berubah selaras mengikut arus kemajuan teknologi masa kini. Perkembangan dalam bidang pendidikan menjadikan ilmu lebih mudah diakses, disebar dan disimpan manakala kecanggihan serta kemampuannya menyampaikan sesuatu maklumat secara cepat, tepat dan menarik dalam bentuk multimedia menjadikannya sebagai satu daya tarikan ke arah mewujudkan satu senario belajar yang menyeronokkan (Ismail, 2002). Dengan penggunaan Video Cakera Padat (VCD) atau alat interaktif dan multimedia yang lain, pemahaman pelajar akan lebih jelas kerana mereka dapat melihat dan mendengar perkara yang berkaitan dengan pelajaran mereka.

Penggunaan alat bahan bantu mengajar (ABBM) boleh dimanfaatkan oleh pendidik dalam menyampaikan maklumat dan pengetahuan kepada pelajar. Salah satu kaedah pembelajaran menggunakan ABBM berelektronik ialah dengan menggunakan tayangan video mengenai sesuatu subjek yang dipelajari. Rozinah

(2000), menyatakan suasana pembelajaran menjadi menarik dengan interaktiviti element yang melibatkan multimedia seperti teks, audio, visual, grafik dan animasi yang melibatkan ke semua sensori manusia. Menurut Rozinah lagi, pelajar boleh belajar mengikut tahap kemampuan dan mengikut minat mereka pada bila-bila masa dan dalam keadaan yang sebenar. Berhubungan dengan itu, penggunaan ABBM melalui tayangan video ini adalah untuk meningkatkan minat pelajar dan membantu pelajar lebih memahami apa yang telah dipelajari.

Video merupakan salah satu bahan pelajaran yang mempunyai potensi yang baik untuk menarik perhatian pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana video berkebolehan menyampaikan mesej dan maklumat dengan berkesan dari satu pihak kepada pihak lain. Kenapa video berpotensi?, Rozinah (2000) menyatakan terdapat beberapa faktor iaitu ia dapat mengekalkan keashian atau mutu tanpa hilang sebarang data, dapat mengedit video dengan menambahkan pelbagai kesan yang canggih dan menarik, dapat mencipta persembahan video secara interaktif dan digunakan sebagai bahan latihan dengan menjimatkan masa dan tenaga. Selain itu video juga mempunyai kelebihan kerana mempunyai kebolehan ulang tayang semula dengan cepat dan program-program di dalamnya boleh dibuat dengan pelbagai versi bahasa dalam pita yang sama. Menurut Kobayashi (1987) dalam Baharuddin, *et. al.* (2000), teknologi pendidikan adalah suatu proses yang sistematik ke arah pembangunan produk yang boleh membantu menghasilkan suatu persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang efisien dan efektif. Proses yang sistematik adalah melibatkan peringkat mereka bentuk, pelaksanaan dan pemilihan proses pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai peralatan dan sumber.

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah membuat satu kajian berkaitan dengan penghasilan dan penilaian video cakera padat (VCD) Dokumentari Pendidikan mengenai mata pelajaran Teknologi Konkrit untuk dijadikan alat bantu bahan mengajar (ABBM) bagi tajuk ujikaji bahan konkrit (C2003, Makmal) di Politeknik Penghasilan video dokumentari dalam bentuk VCD ini diharap akan memberi kebaikan dan manfaat yang berguna kepada pelajar khususnya pelajar semester 2

kursus Sijil Kejuruteraan Awam (SAP) dan dapat juga digunakan oleh pensyarah-pensyarah yang mengajar matapelajaran Teknologi Konkrit di Politeknik.

1.2 Latar Belakang Masalah

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan memerlukan pelajar berminat terhadap apa yang dipelajari dan tenaga pengajar komited terhadap tugasnya. Penyampaian bahan pengajaran dan pembelajaran yang menarik akan menarik minat pelajar dan menjadikan aktiviti mendapatkan ilmu pengetahuan lebih berkesan dan bermotivasi. Kecemerlangan pelajar sering dikaitkan dengan kecemerlangan sekolah manakala kecemerlangan sekolah dilihat dari kecemerlangan guru. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan kepada pengingatan fakta menyebabkan tanggapan sempit pelajar terhadap pelajaran, akibatnya pelajar kurang berminat dan motivasi untuk belajar berkurangan. Oleh itu, adalah menjadi tugas guru atau pensyarah untuk menimbulkan perasaan minat belajar di kalangan pelajar. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlulah dipelbagaikan supaya dapat menarik minat pelajar. Kebestarian sesuatu pengajaran bergantung kepada keupayaan seseorang guru mengintegrasikan aspek pedagogi, psikologi dan teknologi dalam proses penyampaian ilmu (Ismail, 2002).

Terdapatnya kekangan dan masalah di dalam bilik darjah menyebabkan pelajar tidak dapat menerima sepenuhnya maklumat yang disampaikan oleh pengajar. Kadang-kadang terdapat konsep atau gambaran tertentu yang tidak dapat diperjelaskan oleh pengajar dalam kuliah biasa. Pelajar hanya mendengar apa yang diperkatakan oleh pengajar dan kadang kala ditunjukkan dengan gambaran statik mengenai sesuatu benda atau perkara akan mendorong pelajar mempunyai persepsi dan tanggapan yang salah mengenai sesuatu perkara. Menurut Fatimah (1980), pembelajaran yang berkesan dapat dicapai dengan melibatkan secara serentak sebanyak mungkin deria seperti deria dengar, lihat, sentuh, hidu dan rasa secara

serentak. Gould Marks (1966), pula menyatakan apabila alat-alat komunikasi digunakan dengan bijak, peratus pemahaman ialah sebanyak 30% dan peratus ingatan ialah 40%. Menurut beliau lagi, kira-kira 10-15% pengetahuan diperolehi melalui pembacaan, 20-25% melalui pendengaran, 30-35% melalui penglihatan manakala lebih 50% pemahaman diperolehi daripada gabungan mendengar dan melihat. Ini menunjukkan untuk mendapatkan kefahaman dan ingatan yang lebih, seseorang pelajar perlu menggabungkan visual dan audio dalam proses pembelajaran mereka.

Keseronokan akan memberikan implikasi kepada pelajar supaya tertarik dan berminat untuk belajar (Ismail, 2002). Perkembangan teknologi telah dapat mempelbagaikan perkakasan dan perisian dalam sistem penyampaian. Teknologi fotografi yang berkembang menyebabkan terdapatnya gambar-gambar yang digunakan sebagai satu rujukan disusuli dengan media elektronik seperti radio, televisyen, filem, video, VCD, DVD dan perkembangan dalam teknologi maklumat seperti telesidang dan komputer terutamanya dalam bidang multimedia (Ismail, 2002). Walaupun perkembangan ini banyak memberi sumbangan terhadap dunia hiburan tetapi tidak dapat disangkal dalam pendidikan perkembangan ini dapat memberi kesan yang positif dalam proses pembelajaran (Ismail, 2002).

Kaedah dan cara yang terbaik seharusnya menjadi pilihan para pengajar dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Sewajarnya para pengajar memilih alatan yang sesuai bagi membantu mereka dalam memberikan penerangan tentang isi pelajaran kepada para pelajar dengan lebih mudah. Oleh itu, pengkaji telah tertarik untuk melakukan penghasilan dan penilaian video dokumentari pendidikan dalam bentuk VCD sebagai ABBM bagi mata pelajaran Teknologi Konkrit untuk pelajar semester 2 di Politeknik-politeknik Malaysia dan seterusnya dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Sharifah Alwiah Alsagoff (1987), tenaga pengajar merupakan golongan terpelajar sebagai penyampai maklumat dan pengetahuan. Oleh itu, pensyarah sepatutnya menguasai dan memahami ilmu pengajaran agar pengetahuan yang diperolehnya dapat disampaikan kepada pelajar dengan cara dan kaedah yang bersesuaian. Manakala Semrau P. dan Boyer, B.A. (1994) pula menyatakan, pensyarah perlu menggunakan pelbagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti penceritaan, syarahan, buku, rakaman audio, komputer dan aktiviti lain sebagai cara untuk meningkatkan pemahaman pelajar.

Daripada pengalaman pengkaji sendiri yang merupakan bekas pelajar Politeknik, penggunaan ABBM berelektronik sangat berkurangan penggunaannya di Politeknik. Sehubungan dengan itu, pengkaji menjalankan kajian untuk menerbitkan sebuah VCD berunsur dokumentari pendidikan yang merangkumi topik berkaitan Ujikaji Bahan Konkrit (Makmal: C2003) dalam mata pelajaran Teknologi Konkrit (C1004) yang diajar di semester 2 di Politeknik untuk kursus Kejuruteraan Awam Pembinaan (SAP). Seperti yang dinyatakan oleh Rozinah (2000), suasana pembelajaran menjadi menarik dengan interaktiviti element yang melibatkan multimedia seperti teks, audio, visual, grafik dan animasi yang melibatkan kesemua sensori manusia. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji sama ada VCD Dokumentari Pendidikan yang dihasilkan ini mengandungi visual, audio dan isi kandungan bersesuaian yang boleh menarik minat pelajar dan membantu meningkatkan kefahaman mereka.

1.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk menghasilkan Video Cakera Padat (VCD) Dokumentari Pendidikan sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) untuk mata pelajaran Teknologi Konkrit bagi topik Ujikaji Bahan Konkrit (Makmal:C2003) di Politeknik Sultan Abd Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah.

1.5 Ojektif Kajian

Dalam kajian yang dijalankan dan pernyataan masalah yang dikemukakan, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif kajian seperti berikut:

- i. Mengkaji dari segi kandungan visual, audio dan susunan isi ke atas VCD Dokumentari Pendidikan yang dihasilkan
- ii. Menghasilkan VCD Dokumentari Pendidikan yang menarik minat dan dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar.

1.6 Persoalan Kajian


Terdapat beberapa persoalan kajian untuk mencapai objektif kajian, antaranya:

- i. Sejauhmanakah elemen visual yang digunakan di dalam VCD Dokumentari Pendidikan bersesuaian?

- ii. Sejahmanakah elemen audio yang digunakan di dalam VCD Dokumentari Pendidikan bersesuaian?
- iii. Sejahmanakah VCD Dokumentari Pendidikan yang dihasilkan mempunyai susunan isi yang mudah difahami?
- iv. Sejahmanakah VCD Dokumentari Pendidikan yang dihasilkan dapat menarik minat pelajar?
- v. Sejahmanakah VCD Dokumentari Pendidikan yang dihasilkan membantu meningkatkan kefahaman pelajar?

1.7 Kerangka Teori

Kerangka teori yang dihasilkan seperti dalam rajah 1.1, merujuk kepada Model rekabentuk Multimedia Reeves, 1994 (dalam Rozinah, 2000). Aspek penting dalam pembikinan sesebuah rakaman video iaitu meliputi aspek visual, audio, teks, gambar dan animasi. Elemen-elemen ini penting untuk menghasilkan VCD yang menarik dan akan meningkatkan kefahaman pelajar.



Rajah 1.1: Kerangka Teori

Sumber : Rozinah Jamaludin: 2000

1.8 Skop Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah yang mengikuti Kursus Sijil Awam Pembinaan (SAP) yang mengambil matapelajaran Teknologi Konkrit

1.9 Kepentingan Kajian

Penghasilan VCD Dokumentari Pendidikan ini adalah satu usaha untuk menghasilkan sebuah bahan yang dapat membantu dan mempelbagaikan serta

memperbaiki bahan-bahan pengajaran yang sedia ada seharusnya dilakukan supaya bahan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan tidak membosankan pelajar.

Penghasilan VCD Dokumentari Pendidikan untuk mata pelajaran Teknologi Konkrit bagi topik Ujikaji Bahan Konkrit (Makmal:C2003) ini sebagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) yang berfaedah dan berguna kepada pelajar dan pensyarah. Di mana ABBM ini dapat memudahkan pelajar dalam proses pengajaran serta membantu meningkatkan kefahaman seperti mempelajari prosedur-prosedur menjalankan ujikaji bahan konkrit dan di samping itu juga, dengan menggunakan VCD Dokumentari Pendidikan ini, pelajar-pelajar juga dapat melibatkan diri secara terus pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Selain itu, VCD Dokumentari Pendidikan diharapkan dapat menambahkan lagi alat bahan bantuan mengajar yang dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pensyarah, Politeknik dan Kementerian Pendidikan bagi mata pelajaran tersebut.

1.10 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan kajian ini yang mempunyai makna tertentu seperti dinyatakan. Istilah-istilah tersebut ialah:

1.10.1 Video Pembelajaran

Baharuddin, *et al.* (2000) mentakrifkan video sebagai proses komunikasi elektronik yang menghasilkan pergerakan imej, ucapan, kesan bunyi dan muzik.

Dalam kajian ini, video pembelajaran merupakan rakaman dan tayangan yang dibuat oleh pengkaji dalam bentuk Video cakera padat (VCD) berkaitan topik yang dikaji.

1.10.2 Teknologi Pendidikan

Menurut Seels & Richey (Yusup, 1998), teknologi pendidikan adalah amalan reka bentuk, pengembangan, penggunaan, pengurusan dan penilaian proses dan sumber untuk pembelajaran. Yusup dan Sharifah (1999) pula menyatakan teknologi pendidikan meliputi perkakasan, perisian dan kaedah yang digunakan dalam sistem pendidikan. Dalam konteks kajian ini, teknologi pendidikan adalah sebarang alat yang menggunakan teknologi untuk membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.10.3 Alat Bahan Bantu Mengajar

Menurut Kamaruddin, 1986 (dalam Norliza, 2002) alat bahan bantu mengajar adalah segala kelengkapan yang digunakan oleh guru untuk membantu menyampaikan pengajaran di bilik darjah. Dalam konteks penulisan ini, alat bahan bantu mengajar adalah alat yang digunakan oleh pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang terdiri daripada alat elektronik dan bukan elektronik. Bagi tujuan kajian ini, alat bahan bantu mengajar adalah VCD yang dihasilkan pengkaji.

1.10.4 Multimedia

Multimedia ialah intergrasi elemen-elemen teks, audio, grafik, animasi, video, dengan menggunakan komputer sebagai alat kawalan persembahan untuk membolehkan proses pembelajaran secara signifikan dan menghidupkan suasana maklumat (Edgar 1992, dalam Perzlyo 1993 dalam Rozinah 2000)

1.10.5 Penilaian

Mok Soon Sang (2001) menakrifkan penilaian sebagai proses menentukan, mendapatkan dan memberikan maklumat yang berguna untuk membuat pertimbangan mengenai tindakan selanjutnya. Dalam kajian ini penilaian merujuk kepada keputusan yang diberikan oleh responden semasa menilai VCD. Keputusan diberikan dalam bentuk skor.

1.10.6 Pengajaran

Pengajaran merupakan proses pemilihan pasti (*overt selection*) dan susunan mengenai maklumat, aktiviti, pendekatan dan media untuk membantu pelajar mengenal pasti matlamat pembelajaran. (Baharuddin Aris *et.al.*, 2000)

1.10.7 Pembelajaran

Pembelajaran adalah keupayaan seseorang berubah dari tidak boleh melakukan sesuatu perbuatan kepada boleh melakukannya. Pembelajaran juga boleh dikatakan sebagai satu keputusan daripada pengalaman atau interaksi dengan persekitaran yang akan meningkatkan tahap ketahanan seseorang dalam menempuh kehidupan (Baharuddin Aris *et.al.*, 2000).

1.11 Rumusan

Keseluruhannya, bab ini menerangkan tentang pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, skop kajian, kepentingan kajian, dan definisi istilah.

RUJUKAN

Abdul Rahim Abdul Rashid, (2000): *Wawasan Pembangunan -- Isu dan Cabaran*.
Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Razak Hamdan *et al*, (2000): *Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur:
McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Ahmad Esa, (2001). "Etika Profesional Dalam Pengurusan Usahawan: Satu Analisis Lapangan." Pembentangan Kertas Kerja di Seminar Kebangsaan Sosio-ekonomi dan IT.

Ahmad Tarmizi, Anuar Nordin dan Azlan Ramli, (2001): "Persepsi Pelajar Sarjana Pendidikan KUiTTTHO Semester Pertama Terhadap Pembelajaran Berasaskan Web". Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Alias Baba, (1999): "Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial."
Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Baharuddin, *et al*, (2000): *Siri Modul Pembelajaran Teknologi Pendidikan*. Johor Bharu: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Chiam, Tah Wen,(1979): *Projek Perintis VCR*. Jurnal pendidikan. ISSN 0126-5431.
Jilid 7 Bil.1 Jul.1979.

- Clark, R. E. (1996): "Media and Learning In Plomp, T and Ely D.P. (ed)."
International Enclopedia of Educational Technology (2nd ed.) Cambridge:
Pergamon.
- Ee Ah Meng (1999): "Pendidikan di Malaysia I: Falsafah Pendidikan, Guru dan
Sekolah." (edisi kedua). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng, (1992): "Pedagogi - Satu Pengenalan." (edisi ketiga). Kuala Lumpur:
Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng,(1997): "Pedagogi 1- *Pelaksanaan Pengajaran.*" (edisi ketiga). Kuala
Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fatimah Ali, (1980): *Media Murah Untuk Pengajaran - Pemilihan dan Pengeluaran.*
Kertas Kerja Seminar Kempen V, anjuran Persatuan Suluh Budiman. 6-8
Disember.
- Gould Marks, Loughton (1966): "Management Communication Through Audio-
Visual Aids." London: Leonard Hill.
- Ismail Zain, (2002): "Pendidikan Bertaraf Dunia: Ke Arah Pembestarian Dalam
Proses Pengajaran dan Pembelajaran."
- Kamus Dewan, Edisi Tiga. Kuala Lumpur,(2000): Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Musa Abu Hassan, Md. Salleh Hassan, Jamaludin Yusuf dan Md. Yadi Said, (1995):
*Penggunaan Video Untuk Menyebarkan Maklumat Pertanian : Satu Kajian
Eksperimen.* Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pengembangan dan
Komunikasi, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra
Malaysia, Serdang.
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar, (1999): *Penyelidikan Pendidikan.* Skudai: Universiti
Teknologi Malaysia.

- Mohd. Sheffie Abu Bakar, (1995): *Metodologi Penyelidikan*. (edisi kedua). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting, (2000): "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang, (2001): *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 1*. Subang Jaya: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang, (2001): *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2*. Subang Jaya: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang, (2001): *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 3*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mohd Salleh Lebar (1996): *KURIKULUM PENDIDIKAN MALAYSIA*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Muhammad Zaki Ab. Muluk, (2000): "Tahap Pengetahuan dan Penggunaan Internet dalam Mencari Maklumat di Kalangan Pelajar Tahun Satu Diploma Kejuruteraan di ITTHO". Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.
- Muhammad Nazri A. Halim, (2003): "Penghasilan Dan Penilaian Video Dokumentari Pendidikan Dalam Bentuk CD-Rom Bagi Subjek 'Aspek gelagat Pengguna' Untuk Tajuk Konsumerisme bagi Pelajar Semester 5 Di Politeknik Port Dickson". Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.
- Noresah Baharom, (1993): *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norliza Mohamed Piah, (2002): "Siri Modul Pembelajaran. Modul Asas Rakaman Video." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan
- Perzlyo, L. (1993): *The Application of Multimedia CD-Roms in School*. British Journal of Educational Technology, 24(3), 191-197.
- Razali Nor, (1995): *Teknologi Pendidikan 2 : Media Unjuran dan Media Elektronik*. Kumpulan Budiman. Kuala Lumpur.
- Rozinah Jamaludin, (2000): *Asas-asas Multimedia Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Yusup Hashim, (1998): "Teknologi Pengajaran." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Yusup Hashim & Sharifah Alwiah Alsagoff, (1999): "Pendidikan Jarak Jauh: Teori dan Amalan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sandholtz, J. (1997). "Teaching With Technology." New York: Colombia University. Salkind, N.J. (2000). *Exploring Research* (4th Ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Salkind, N. J., (1997). "Exploring Research". 3rd ed. New Jersey : Prentice Hall.
- Slavin, R.E. (1992): "Research Methods In Education." (2nd Ed.). USA: Allyn and Bacon.
- Sulaiman Ngah Razali, (1997) : *Pedagogi. Teori Dan Praktik*. Dewan Bahasa dan Puastaka. Kuala Lumpur
- Tuckman, E. R., (1998): "Survey Research Methods". Belmont, C. A : Wadsworth.

Volmont, W.J. (1995): "Greating Video for School Use." Massachusetts: Allyn and Bacon.

Vierra, A., Pollock, J. & Golez, F. (1998): "Reading Educational Research." (3rd Ed) Ohio: Prentice Hall.

